

PBAPP bercadang mengkomersialkan projek R&D menang anugerah

Tarikh kemaskini: 17/07/2019



Datuk Jaseni Maidinsa

GEORGE TOWN, 17 Julai (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bercadang untuk mengkomersialkan projek penyelidikan dan pembangunannya (R&D) yang telah memenangi anugerah untuk mengitar semula sisa buangan loji rawatan air (sisa LRA) di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa hari ini berkata melalui R&D, PBAPP telah membuktikan bahawa sisa LRA boleh digunakan semula sebagai bahan ditambah nilai untuk pengeluaran batu-bata bagi industri pembinaan.

“Sisa LRA diklasifikasikan sebagai buangan terjadual yang wajib dilupuskan secara selamat mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. PBAPP telah membangunkan teknologi untuk mengitar dan menggunakan semula sisa buangan LRA.

“Bagaimanapun, kami tidak mempunyai kepakaran yang berkaitan, pengalaman dan sumber-sumber untuk mengkomersialkannya dengan berjaya. Oleh itu, kami sedang mencari badangan-badangan daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk menahyut cabaran untuk mengkomersialkan projek R&D kami,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata pihak-pihak yang berminat perlu memiliki kelayakan dalam pengeluaran bahan-bahan binaan berskala industri, di samping mempunyai keupayaan yang relevan dalam jualan, pemasaran dan logistik.

Jaseni yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd (PBAHB), syarikat induk bagi PBAPP, berkata projek kajian untuk menukarkan sisa LRA kepada batu-bata tanah liat menawarkan potensi untuk mengitar semula sisa buangan terjadual secara pintar dan "hijau" berskala industri.

Penyelidikan mereka juga mendapati bahawa sisa LRA boleh digunakan semula dengan selamat sebagai bahan mentah bagi industri pembinaan dan mampu mengurangkan kos pelupusan buangan terjadual bagi semua operator bekalan air di Malaysia.

Beliau berkata projek R&D berkenaan telah memenangi tiga anugerah, iaitu Anugerah Emas Perbadanan Produktiviti Malaysia pada Persidangan Serantau mengenai Kecemerlangan Pasukan (Rtex) Wilayah Utara tahun ini, Juara Anugerah Inovasi Negeri Pulau Pinang 2016 bagi kategori bukan-ICT dan tempat kedua pada Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM) 2017.Runner-Up 2017.-- BERNAMA